20 Julai 2023
20 July 2023
P.U. (A) 221

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM LEVI BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS) 2023

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DIFFERENTIAL LEVY SYSTEMS IN RESPECT OF INSURER MEMBERS) REGULATIONS 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM LEVI BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 77 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Levi Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 21 Julai 2023.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, "taraf pengawasan" ertinya suatu perkadaran atau penilaian suatu anggota penanggung insurans oleh Bank Negara Malaysia menurut perenggan 95*(b)* Akta.

Pengemukaan maklumat kepada Perbadanan

3. (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam subperaturan (2), suatu anggota penanggung insurans hendaklah, bagi setiap tahun taksiran, mengemukakan kepada Perbadanan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan dalam tempoh dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan untuk pentaksiran anggota penanggung insurans itu bagi maksud levi menurut Peraturan-Peraturan ini.

(2) Subperaturan (1) hendaklah tidak terpakai —

(a) bagi suatu anggota penanggung insurans yang tidak dikehendaki untuk mengemukakan maklumat kepada Perbadanan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 21(1) Jadual; dan

(b) bagi suatu anggota penanggung insurans yang tidak dikehendaki untuk membayar levi di bawah subseksyen 71(3) atau perenggan 73A(1)*(c)* Akta.

Pentaksiran anggota penanggung insurans bagi maksud levi

4. (1) Bagi setiap tahun taksiran, Perbadanan hendaklah mentaksirkan suatu anggota penanggung insurans bagi maksud levi untuk tahun taksiran itu berdasarkan kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Melainkan jika suatu pemohonan semakan semula dibuat oleh suatu anggota penanggung insurans menurut peraturan 7, apa-apa keputusan Perbadanan mengenai apa-apa pentaksiran anggota penanggung insurans itu adalah muktamad.

Kegagalan untuk mengemukakan maklumat

5. Jika suatu anggota penanggung insurans gagal untuk mengemukakan apa-apa maklumat kepada Perbadanan menurut peraturan 3, Perbadanan hendaklah membuat suatu taksiran anggota penanggung insurans itu bagi tahun taksiran itu menurut peraturan 4 dengan menggunakan apa-apa maklumat yang berkaitan yang tersedia kepada Perbadanan.

Pemberitahuan keputusan pentaksiran anggota penanggung insurans

6. Perbadanan hendaklah memberitahu suatu anggota penanggung insurans melalui suatu notis sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan mengenai keputusan pentaksiran anggota penanggung insurans itu bagi suatu tahun taksiran itu dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Permohonan untuk semakan semula kepada Perbadanan

7. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), suatu anggota penanggung insurans yang terkilan dengan keputusan yang diberitahu di bawah peraturan 6 boleh memohon untuk suatu semakan semula secara bertulis kepada Perbadanan dalam tempoh yang dinyatakan dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa atau dalam apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Suatu permohonan untuk semakan semula di bawah subperaturan (1) hendaklah hanya dibuat jika—

(a) terdapat suatu kesilapan dalam maklumat yang dikemukakan oleh anggota penanggung insurans itu kepada Perbadanan di bawah peraturan 3; atau

(b) terdapat suatu kesilapan oleh Perbadanan dalam pentaksiran anggota penanggung insurans itu bagi maksud levi.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), suatu permohonan untuk semakan semula kepada Perbadanan tidak boleh dibuat berkenaan taraf pengawasan anggota penanggung insurans itu.

(4) Walaupun anggota penanggung insurans itu telah mengemukakan suatu permohonan untuk semakan semula kepada Perbadanan di bawah subperaturan (1), anggota penanggung insurans itu hendaklah membayar levi bagi tahun taksiran itu pada tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Semakan semula oleh Perbadanan

8. (1) Selepas semakan semula, Perbadanan boleh mengubah atau meminda keputusan pentaksiran suatu anggota penanggung insurans bagi suatu tahun taksiran dan dalam hal sedemikian, kadar levi yang terpakai bagi anggota penanggung insurans itu hendaklah disemak semula sewajarnya.

(2) Jika Perbadanan memutuskan terdapat perbezaan amaun bagi apa-apa levi yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans, anggota penanggung insurans itu hendaklah membayar kepada Perbadanan, atau Perbadanan hendaklah membayar balik kepada anggota penanggung insurans itu, perbezaan amaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Perbadanan ke atas suatu semakan semula berkenaan dengan suatu anggota penanggung insurans adalah muktamad.

Pemberitahuan keputusan semakan semula

9. Perbadanan hendaklah memberitahu keputusannya terhadap permohonan semakan semula yang dibuat oleh suatu anggota penanggung insurans dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan permohonan semakan semula itu atau pada apa-apa tarikh lain yang sesuai bagi Perbadanan.

Pembatalan

10. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012 [*P.U. (A) 496/2012*] adalah dibatalkan.

JADUAL

[Peraturan 3 dan 4]

Pemarkahan levi keseluruhan bagi anggota penanggung insurans

1. Dalam menentukan pemarkahan levi bagi suatu anggota penanggung insurans, Perbadanan hendaklah mengambil kira kriteria kuantitatif dan kualitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) mengikut wajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) dan penunjuk aras kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Kriteria	(2) Wajaran	(3) Ukuran-ukuran kriteria dan penunjuk aras berkaitan
Kriteria kuantitatif	60%	Bagi perniagaan insurans dan perniagaan takaful A. Ukuran modal *(a)* Indeks lebihan modal (rujuk subperenggan 3(1), 4(1), 5(1) dan 6(1), dan perenggan 8) B. Ukuran operasi dan kemampanan Bagi perniagaan insurans hayat *(a)* Kadar pertumbuhan perniagaan baru *(b)* Nisbah penumpuan perniagaan *(c)* Nisbah pengekalan perniagaan *(d)* Padanan aset dan pulangan *(e)* Nisbah perbelanjaan (rujuk subperenggan 3(2) dan perenggan 9) Bagi perniagaan insurans am *(a)* Kadar pertumbuhan premium kasar

(1) Kriteria	(2) Wajaran	(3) Ukuran-ukuran kriteria dan penunjuk aras berkaitan
		(b) Nisbah kepelbagaian perniagaan *(c)* Nisbah belum terima *(d)* Nisbah gabungan *(e)* Volatiliti pulangan yang diselaraskan secara purata (rujuk subperenggan 4(2) dan perenggan 11)
		Bagi perniagaan takaful keluarga *(a)* Kadar pertumbuhan perniagaan baru *(b)* Nisbah penumpuan perniagaan *(c)* Nisbah pengekalan perniagaan *(d)* Hasil pelaburan *(e)* Nisbah jurang perbelanjaan (rujuk subperenggan 5(2) dan perenggan 12) Bagi perniagaan takaful am *(a)* Kadar pertumbuhan sumbangan kasar *(b)* Nisbah kepelbagaian perniagaan *(c)* Nisbah belum terima *(d)* Nisbah kerugian *(e)* Nisbah jurang perbelanjaan (rujuk subperenggan 6(2) dan perenggan 13)
Kriteria kualitatif	40%	Bagi perniagaan insurans dan perniagaan takaful Faktor kualitatif (rujuk perenggan 14)

Matriks kriteria kuantitatif

2. (1) Kriteria kuantitatif hendaklah diberikan markah menggunakan suatu pendekatan matriks dalam dua dimensi seperti yang berikut:

<table>
<tr><td colspan="2"></td><td colspan="4">Ukuran Modal
(rujuk subperenggan 3(1), 4(1), 5(1) dan 6(1), dan perenggan 8)</td></tr>
<tr><td rowspan="5">Ukuran operasi dan kemampanan
(rujuk subperenggan
3(2), (3) dan (4), 4(2), (3) dan (4), 5(2), (3) dan (4), 6(2), (3) dan (4), dan perenggan 9, 11, 12 dan 13)</td><td></td><td>< 1.00</td><td>1.00 ≤ tetapi ≤ 1.10</td><td>1.10 < tetapi ≤ 1.20</td><td>> 1.20</td></tr>
<tr><td>≥ 85</td><td>M6</td><td>M4</td><td>M2</td><td>M1</td></tr>
<tr><td>≥ 65 tetapi < 85</td><td>M6</td><td>M4</td><td>M3</td><td>M2</td></tr>
<tr><td>≥ 50 tetapi < 65</td><td>M7</td><td>M5</td><td>M4</td><td>M3</td></tr>
<tr><td>< 50</td><td>M7</td><td>M7</td><td>M5</td><td>M4</td></tr>
</table>

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

(a) ukuran modal bagi suatu anggota penanggung insurans seperti yang dihitung di bawah perenggan 8 hendaklah menentukan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif;

(b) ukuran operasi dan kemampanan bagi suatu anggota penanggung insurans seperti yang dihitung di bawah perenggan 9, 11, 12 dan 13

hendaklah menentukan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif; dan

(c) pemetaan kedua-dua ukuran di subperenggan *(a)* dan *(b)* hendaklah menentukan kedudukan anggota penanggung insurans itu dalam matriks kriteria kuantitatif.

(3) Jika kedudukan suatu anggota penanggung insurans bagi suatu tahun taksiran telah ditentukan dalam kategori matriks kriteria kuantitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), markah kriteria kuantitatif yang diberi kepada anggota penanggung insurans itu bagi tahun taksiran itu hendaklah markah kriteria kuantitatif yang bersamaan dengan markah kriteria kuantitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Kategori matriks kriteria kuantitatif	(2) Markah kriteria kuantitatif (%)
M1	60
M2	55
M3	45
M4	40
M5	30
M6	25
M7	15

Kriteria kuantitatif bagi perniagaan insurans hayat

3. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat, Perbadanan hendaklah mengambil kira indeks lebihan modal anggota penanggung insurans itu menurut perenggan 8, yang hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif seperti dinyatakan dalam subperenggan 2(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat, Perbadanan hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

(a) kadar pertumbuhan perniagaan baru;

(b) nisbah penumpuan perniagaan;

(c) nisbah pengekalan perniagaan;

(d) padanan aset dan pulangan; dan

(e) nisbah perbelanjaan.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), wajaran penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) berkenaan dengan ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Wajaran (%)
Kadar pertumbuhan perniagaan baru	15
Nisbah penumpuan perniagaan	25
Nisbah pengekalan perniagaan	25
Padanan aset dan pulangan	20
Nisbah perbelanjaan	15
Jumlah	100

(4) Jumlah markah penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat adalah jumlah markah penunjuk aras menurut perenggan 9 dan seterusnya hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 2(1).

Kriteria kuantitatif bagi perniagaan insurans am

4. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans am, Perbadanan hendaklah mengambil kira indeks lebihan modal anggota penanggung insurans itu di bawah perenggan 8, yang hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 2(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans am, Perbadanan hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

(a) kadar pertumbuhan premium kasar;

(b) nisbah kepelbagaian perniagaan;

(c) nisbah belum terima;

(d) nisbah gabungan; dan

(e) volatiliti pulangan yang diselaraskan secara purata.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), wajaran penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) berkenaan dengan ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans am adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Wajaran (%)
Kadar pertumbuhan premium kasar	20
Nisbah kepelbagaian perniagaan	25
Nisbah belum terima	15
Nisbah gabungan	25
Volatiliti pulangan yang diselaraskan secara purata	15
Jumlah	100

(4) Jumlah markah penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans am adalah jumlah markah penunjuk aras menurut perenggan 11 dan hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 2(1).

Kriteria kuantitatif bagi perniagaan takaful keluarga

5. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga, Perbadanan hendaklah mengambil kira indeks lebihan modal anggota penanggung insurans itu di bawah perenggan 8, yang hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 2(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga, Perbadanan hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

(a) kadar pertumbuhan perniagaan baru;
(b) nisbah penumpuan perniagaan;
(c) nisbah pengekalan perniagaan;
(d) hasil pelaburan; dan
(e) nisbah jurang perbelanjaan.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), wajaran penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) berkenaan dengan ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Wajaran (%)
Kadar pertumbuhan perniagaan baru	25
Nisbah penumpuan perniagaan	20
Nisbah pengekalan perniagaan	20
Hasil pelaburan	15
Nisbah jurang perbelanjaan	20
Jumlah	100

(4) Jumlah markah penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga adalah jumlah markah penunjuk aras menurut perenggan 12 dan hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 2(1).

Kriteria kuantitatif bagi perniagaan takaful am

6. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am, Perbadanan hendaklah mengambil kira indeks lebihan modal anggota penanggung insurans itu di bawah perenggan 8, yang hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 2(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am, Perbadanan hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

(a) kadar pertumbuhan sumbangan kasar;

(b) nisbah kepelbagaian perniagaan;

(c) nisbah belum terima;

(d) nisbah kerugian; dan

(e) nisbah jurang perbelanjaan.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), wajaran penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) berkenaan dengan ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Wajaran (%)
Kadar pertumbuhan sumbangan kasar	25
Nisbah kepelbagaian perniagaan	20
Nisbah belum terima	15
Nisbah kerugian	20
Nisbah jurang perbelanjaan	20
Jumlah	100

(4) Jumlah markah penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampanan bagi kriteria kuantitatif suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am adalah jumlah markah penunjuk aras menurut perenggan 13 dan hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 2(1).

Maklumat bagi penghitungan penunjuk aras

7. Bagi setiap tahun taksiran, penghitungan setiap penunjuk aras hendaklah berdasarkan maklumat kewangan suatu anggota penanggung insurans setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya atau apa-apa tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Penghitungan indeks lebihan modal sebagai ukuran modal

8. Penghitungan indeks lebihan modal suatu anggota penanggung insurans hendaklah dihitung mengikut formula yang dinyatakan dalam ruang (2), dan nilai yang termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (3), seperti yang berikut, akan

memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 2(1):

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil
Indeks lebihan modal	$\frac{\text{CAR (\%)}}{\text{ITCL (\%)}}$ iaitu, CAR ialah nisbah kecukupan modal; dan ITCL ialah paras modal sasaran individu.	> 1.20 1.10 < tetapi ≤ 1.20 1.00 ≤ tetapi ≤ 1.10 < 1.00
Bagi maksud penghitungan seperti yang dinyatakan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.		

Penghitungan dan pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampanan bagi perniagaan insurans hayat

9. Penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat hendaklah dihitung mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2), dan nilai yang didapati hasil penghitungan itu hendaklah diberi markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) mengikut kedudukannya dalam julat hasil yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
Kadar pertumbuhan	Premium perniagaan baru - Premium perniagaan baru	> 10.00%	15

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
perniagaan baru	(t) (t-1) ______________________ x 100% Premium perniagaan baru (t-1) Ini berdasarkan kadar pertumbuhan purata wajaran tiga tahun dihitung seperti yang berikut: [50% x kadar pertumbuhan (t)] + [30% x kadar pertumbuhan (t-1)] + [20% x kadar pertumbuhan (t-2)] iaitu, t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan t-2 = tiga tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.	5.00% < tetapi ≤ 10.00%	10
		0.00% < tetapi ≤ 5.00%	5
		≤ 0.00%	0
Nisbah penumpuan perniagaan	Premium berkala perniagaan baru (t) ______________________ x 100%	> 200.00%	25
		150.00% < tetapi ≤ 200.00%	16

<table>
<tr><th>(1)
Penunjuk aras</th><th>(2)
Formula</th><th>(3)
Julat hasil</th><th>(4)
Markah (%)</th></tr>
<tr><td rowspan="3"></td><td rowspan="3">Premium tunggal
perniagaan baru (t)

iaitu,
t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>100.00% ≤ tetapi ≤ 150.00%</td><td>8</td></tr>
<tr><td><100.00%</td><td>0</td></tr>
<tr><td rowspan="4">Nisbah pengekalan perniagaan</td><td rowspan="4">$$\frac{\text{Premium pembaharuan (t)}}{\text{Premium pembaharuan (t-1)} + \text{Premium tahun pertama (t-1)}} \times 100\%$$
iaitu,
t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan

t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.</td><td>> 90.00%</td><td>25</td></tr>
<tr><td>85.00% < tetapi ≤ 90.00%</td><td>16</td></tr>
<tr><td>80.00% ≤ tetapi ≤ 85.00%</td><td>8</td></tr>
<tr><td>< 80.00%</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Padanan aset dan pulangan</td><td>Rujuk perenggan 10</td><td>Rujuk perenggan 10</td><td>Rujuk perenggan 10</td></tr>
</table>

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
Nisbah perbelanjaan	$$\frac{\text{Perbelanjaan pengurusan} + \text{Saraan agensi}}{\text{Pendapatan premium bersih}} \times 100\%$$	< 20.00%	15
		20.00% ≤ tetapi < 30.00%	10
		30.00% ≤ tetapi < 40.00%	5
		≥ 40.00%	0
Bagi maksud penghitungan yang dinyatakan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.			

Formula dan pemarkahan bagi padanan aset dan pulangan

10. (1) Pemarkahan bagi penunjuk aras padanan aset dan pulangan yang disebut dalam perenggan 9 hendaklah menggunakan pendekatan matriks dua-dimensi seperti yang berikut:

		Julat hasil bagi pemadanan tempoh aset dan liabiliti (%)		
		100.00% ≤ tetapi < 200.00%	80.00% ≤ tetapi < 100.00% atau 200.00% ≤ tetapi < 300.00%	< 80.00% atau ≥ 300.00%
		Markah (%)		
Julat hasil bagi hasil pelaburan	≥PBI	20	14	0
	<PBI	14	7	0
Bagi maksud pendekatan di atas, PBI merujuk kepada pulangan bon indeks yang ditakrifkan dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.				

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

(a) pemadanan tempoh aset dan liabiliti hendaklah dihitung mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) jadual, dan nilai yang termasuk dalam julat hasil sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) jadual, seperti yang berikut, hendaklah menentukan kedudukan anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat itu pada paksi mendatar matriks dalam subperenggan (1):

<table>
<tr><th>(1)
Formula</th><th>(2)
Julat hasil</th></tr>
<tr><td rowspan="4">$$\frac{\text{Tempoh Dollar Aset}}{\text{Tempoh Dollar Liabiliti}}$$</td><td>100.00% ≤ tetapi
< 200.00%</td></tr>
<tr><td>80.00% ≤ tetapi
< 100.00%
atau
200.00% ≤ tetapi
< 300.00%</td></tr>
<tr><td>< 80.00%
atau
≥ 300.00%</td></tr>
<tr></tr>
<tr><td colspan="2">Bagi maksud penghitungan yang dinyatakan dalam ruang (1), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.</td></tr>
</table>

(b) hasil pelaburan hendaklah dihitung mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) jadual, dan nilai yang termasuk dalam julat hasil sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) jadual, seperti yang berikut, hendaklah menentukan kedudukan anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat itu pada paksi menegak matriks dalam subperenggan (1):

<table>
<tr><th>(1)
Formula</th><th>(2)
Julat hasil</th></tr>
<tr><td>$$2 \times \frac{\begin{array}{c}[\text{Pendapatan} \\ \text{pelaburan bersih (I)} \\ + \\ \text{Keuntungan atau} \\ \text{kerugian modal} \\ \text{bersih (C)]}\end{array}}{\begin{array}{c}\text{Jumlah aset pelaburan (t) +} \\ \text{jumlah aset pelaburan (t-1)} \\ \text{– (I+C)}\end{array}} \times 100\%$$

iaitu,
t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan
t-1= dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.</td><td>≥ PBI

< PBI</td></tr>
<tr><td colspan="2">Bagi maksud penghitungan seperti yang dinyatakan dalam ruang (1), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.</td></tr>
</table>

(c) pemetaan kedua-dua ukuran di subsubperenggan *(a)* dan *(b)* hendaklah menentukan markah anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat itu mengikut pendekatan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (1).

Penghitungan dan pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampanan bagi perniagaan insurans am

11. Penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans am hendaklah dihitung mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2), dan nilai yang didapati hasil penghitungan itu hendaklah diberi markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) mengikut kedudukannya dalam julat hasil yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
Kadar pertumbuhan premium kasar	$$\frac{\text{Premium kasar (t)} - \text{Premium kasar (t-1)}}{\text{Premium kasar (t-1)}} \times 100\%$$ Ini berdasarkan kadar pertumbuhan purata wajaran tiga tahun yang dihitung seperti yang berikut: [50% x kadar pertumbuhan (t)] + [30% x kadar pertumbuhan (t-1)] + [20% x kadar pertumbuhan (t-2)] iaitu, t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan	> 10.00%	20
		5.00% < tetapi ≤ 10.00%	14
		0.00% < tetapi ≤ 5.00%	7
		≤ 0.00%	0

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
	t-2 = tiga tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.		
Nisbah kepelbagaian perniagaan	$\frac{\text{Peruntukan margin risiko bagi deviasi tidak wajar (“PRAD”)} - \text{Dana peruntukan margin risiko bagi deviasi tidak wajar}}{\text{PRAD}} \times 100\%$	> 30.00%	25
		20.00% < tetapi ≤ 30.00%	16
		15.00% ≤ tetapi ≤ 20.00%	8
		< 15.00%	0
Nisbah belum terima	$\frac{\text{Insurans belum terima}}{\text{Premium kasar}} \times 100\%$	≤ 10.00%	15
		10.00% < tetapi ≤ 15.00%	10
		15.00% < tetapi ≤ 20.00%	5
		> 20.00%	0

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
Nisbah gabungan	$$\frac{\text{Tuntutan bersih kena dibayar} + \text{Perbelanjaan pengurusan} + \text{Komisen bersih}}{\text{Pendapatan premium terperoleh}} \times 100\%$$	< 90.00%	25
		90.00% ≤ tetapi ≤ 95.00%	16
		95.00% < tetapi ≤ 100.00%	8
		> 100.00%	0
Volatiliti pulangan yang diselaraskan secara purata	$$\frac{\text{Sisihan separa piawai atas keuntungan atau kerugian operasi bagi tempoh tiga tahun}}{\text{Min keuntungan atau kerugian operasi bagi tempoh tiga tahun}}$$	0 ≤ tetapi ≤ 0.2	15
		0.2 < tetapi ≤ 0.5	10
		> 0.5	0
		< 0	0
Bagi maksud penghitungan yang dinyatakan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.			

Penghitungan dan pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampanan bagi perniagaan takaful keluarga

12. Penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga hendaklah dihitung mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2), dan nilai yang didapati hasil penghitungan itu hendaklah diberi markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) mengikut kedudukannya dalam julat hasil yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
Kadar pertumbuhan perniagaan baru	$\dfrac{\text{Sumbangan perniagaan baru (t)} - \text{Sumbangan perniagaan baru (t-1)}}{\text{Sumbangan perniagaan baru (t-1)}} \times 100\%$ Ini berdasarkan kadar pertumbuhan purata wajaran tiga tahun dihitung seperti yang berikut: [50% x kadar pertumbuhan (t)] + [30% x kadar pertumbuhan (t-1)] + [20% x kadar pertumbuhan (t-2)]	> 10.00%	25
		5.00% < tetapi ≤ 10.00%	16
		0.00% < tetapi ≤ 5.00%	8

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
	iaitu, t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan t-2 = tiga tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa	≤ 0.00%	0
Nisbah penumpuan perniagaan	$\frac{\text{Sumbangan berkala perniagaan baru (t)}}{\text{Sumbangan tunggal perniagaan baru (t)}} \times 100\%$ iaitu, t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.	> 150.00%	20
		125.00% < tetapi ≤ 150.00%	14
		100.00% ≤ tetapi ≤ 125.00%	7

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
		< 100.00%	0
Nisbah pengekalan perniagaan	$$\frac{\text{Sumbangan pembaharuan (t)}}{\text{Sumbangan pembaharuan (t-1)} + \text{Sumbangan tahun pertama (t-1)}} \times 100\%$$ iaitu, t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.	> 80.00%	20
		76.00% < tetapi ≤ 80.00%	14
		70.00% ≤ tetapi ≤ 76.00%	7
		< 70.00%	0
Hasil pelaburan	2 x [Pendapatan pelaburan bersih (I) + Keuntungan atau kerugian modal bersih (C)]	> GII + 150bp	15
		GII + 75bp < tetapi ≤ GII + 150bp	10

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
	______________ x 100% Jumlah aset (t) + Jumlah aset (t-1) – (I+C) iaitu, t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.	GII ≤ tetapi ≤ GII + 75bp	5
		< GII	0
		GII dan bp ditakrifkan dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa	
Nisbah jurang perbelanjaan	Perbelanjaan pengurusan + Perbelanjaan komisen	≤ 105.00%	20

(1) Penunjuk aras	(2) Formula	(3) Julat hasil	(4) Markah (%)
	______________________ x 100% Fi wakalah diperoleh + Lebihan yang dipindah dari Mudharabah	105.00% < tetapi ≤ 115.00%	14
		115.00% < tetapi ≤ 120.00%	7
		>120.00%	0
Bagi maksud penghitungan seperti yang dinyatakan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.			

Penghitungan dan pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampanan bagi perniagaan takaful am

13. Penunjuk aras sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am hendaklah dihitung mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2), dan nilai yang didapati hasil penghitungan itu hendaklah diberi markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) mengikut kedudukannya dalam julat hasil yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

<table>
<tr><th>Penunjuk aras
(1)</th><th>Formula
(2)</th><th>Julat hasil
(3)</th><th>Markah
(%)
(4)</th></tr>
<tr><td rowspan="4">Kadar pertumbuhan sumbangan kasar</td><td rowspan="4">$$\frac{\text{Sumbangan kasar (t)} - \text{Sumbangan kasar (t-1)}}{\text{Sumbangan kasar (t-1)}} \times 100\%$$

Ini berdasarkan kadar pertumbuhan purata wajaran tiga tahun yang dihitung seperti yang berikut:

[50% x kadar pertumbuhan (t)] +
[30% x kadar pertumbuhan (t-1)] +
[20% x kadar pertumbuhan (t-2)]

iaitu,

t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa;
t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan
t-2 = tiga tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.</td><td>> 7.00%</td><td>25</td></tr>
<tr><td>5.00% < tetapi ≤ 7.00%</td><td>16</td></tr>
<tr><td>0.00% < tetapi ≤ 5.00%</td><td>8</td></tr>
<tr><td>≤ 0.00%</td><td>0</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Nisbah kepelbagaian perniagaan</td><td rowspan="2">Peruntukan margin risiko bagi deviasi tidak wajar (“PRAD”) - Dana peruntukan margin risiko bagi deviasi tidak wajar
______________________________ x 100%</td><td>> 30.00%</td><td>20</td></tr>
<tr><td>20.00% < tetapi ≤ 30.00%</td><td>14</td></tr>
</table>

Penunjuk aras (1)	Formula (2)	Julat hasil (3)	Markah (%) (4)
	PRAD	15.00% ≤ tetapi ≤ 20.00%	7
		<15.00%	0
Nisbah belum terima	$\frac{\text{Takaful belum terima}}{\text{Sumbangan kasar}} \times 100\%$	≤ 10.00%	15
		10.00% < tetapi ≤ 15.00%	10
		15.00% < tetapi ≤ 20.00%	5
		> 20.00%	0
Nisbah kerugian	$\frac{\text{Tuntutan bersih kena dibayar}}{\text{Pendapatan sumbangan terperoleh}} \times 100\%$	≤ 40.00%	20

<table>
<tr><th>Penunjuk aras
(1)</th><th>Formula
(2)</th><th>Julat hasil
(3)</th><th>Markah
(%)
(4)</th></tr>
<tr><td rowspan="3"></td><td rowspan="3"></td><td>40.00% < tetapi ≤ 50.00%</td><td>14</td></tr>
<tr><td>50.00% < tetapi ≤ 60.00%</td><td>7</td></tr>
<tr><td>> 60.00%</td><td>0</td></tr>
<tr><td rowspan="4">Nisbah jurang perbelanjaan</td><td rowspan="4">$$\frac{\text{Perbelanjaan pengurusan} + \text{Perbelanjaan komisen}}{\text{Fi wakalah diperoleh} + \text{Lebihan yang dipindah dari Mudharabah}} \times 100\%$$</td><td>≤ 105.00%</td><td>20</td></tr>
<tr><td>105.00% < tetapi ≤ 115.00%</td><td>14</td></tr>
<tr><td>115.00% < tetapi ≤120.00%</td><td>7</td></tr>
<tr><td>>120.00%</td><td>0</td></tr>
<tr><td colspan="4">Bagi maksud penghitungan seperti yang dinyatakan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan berkenaan dengan sistem levi berbeza sebagaimana yang boleh dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.</td></tr>
</table>

Kriteria kualitatif

14. Kriteria kualitatif bagi suatu anggota penanggung insurans hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

(a) taraf pengawasan anggota penanggung insurans;

(b) kegagalan oleh suatu anggota penanggung insurans untuk mematuhi mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat oleh Perbadanan termasuk garis panduan atau mana-mana kehendak kawal selia yang terpakai bagi anggota penanggung insurans itu;

(c) apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa yang mengawal selia atau pihak berkuasa yang lain terhadap suatu anggota penanggung insurans atau apa-apa perbadanan yang berkaitan dengan anggota penanggung insurans itu termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa notis, perintah atau arahan yang berhubungan dengan apa-apa kekurangan atau ketidakpatuhan berkenaan dengan anggota penanggung insurans atau perbadanan itu, suatu surat amaran, atau apa-apa kehendak atau arahan untuk mengeluarkan suatu surat aku janji atau komitmen atau suatu resolusi lembaga pengarah;

(d) apa-apa pelan pembetulan atau tindakan anggota penanggung insurans atau perbadanan itu untuk menangani tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa itu di bawah subperenggan *(c)* termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan kemajuan pelaksanaan terma surat aku janji atau komitmen atau resolusi lembaga pengarah oleh anggota penanggung insurans;

(e) apa-apa penarafan atau pentaksiran suatu anggota penanggung insurans oleh mana-mana agensi penilaian sama ada yang berhubungan dengan kedudukan kredit anggota penanggung insurans itu atau keadaan kewangannya atau selainnya;

(f) sama ada suatu anggota penanggung insurans telah atau sedang menerima apa-apa bentuk bantuan daripada Bank Negara Malaysia atau Perbadanan, sama ada bantuan itu berbentuk bantuan kewangan atau selainnya; dan

(g) apa-apa maklumat lain yang diberikan kepada Perbadanan atau yang sampai kepada perhatian Perbadanan mengenai suatu anggota penanggung insurans atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan anggota penanggung insurans itu yang boleh mengancam atau memberikan kesan terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju anggota penanggung insurans itu.

Maklumat untuk mentaksir kriteria kualitatif

15. Bagi setiap tahun taksiran, Perbadanan hendaklah mentaksir dan menentukan pemarkahan bagi suatu anggota penanggung insurans mengenai kriteria kualitatif, berdasarkan maklumat berkaitan yang tersedia kepada Perbadanan setakat—

(a) 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; atau

(b) apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

Markah bagi taraf pengawasan

16. Jika taraf pengawasan suatu anggota penanggung insurans adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), markah yang diberi kepada taraf pengawasan itu hendaklah markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Taraf pengawasan	(2) Markah (%)
Penarafan rendah atau yang setara	35
Penarafan sederhana atau yang setara	22
Penarafan lebih daripada sederhana atau yang setara	10
Penarafan tinggi atau yang setara	0

Markah bagi faktor kualitatif selain taraf pengawasan

17. Perbadanan hendaklah mentaksir maklumat yang berkaitan dengan sesuatu anggota penanggung insurans di bawah perenggan 14, selain taraf pengawasan anggota penanggung insurans itu, bagi membuat taksiran terhadap maklumat itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), dan markah yang diberi kepada taksiran itu hendaklah markah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Taksiran maklumat	(2) Markah
Setakat 30 April suatu tahun taksiran atau pada apa-apa tarikh lain yang dinyatakan oleh Perbadanan, tiada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai apa-apa keadaan yang merupakan suatu ancaman atau memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu anggota penanggung insurans	5
Setakat 30 April suatu tahun taksiran atau pada apa-apa tarikh lain yang dinyatakan oleh Perbadanan, ada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai keadaan yang merupakan suatu ancaman atau boleh memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu anggota penanggung insurans	3
Setakat 30 April suatu tahun taksiran atau pada apa-apa tarikh lain yang dinyatakan oleh Perbadanan, ada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai keadaan yang memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu anggota penanggung insurans	0

Markah maksimum di bawah sistem levi berbeza

18. (1) Markah maksimum bagi kriteria kuantitatif, kriteria kualitatif dan penunjuk aras, masing-masing hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual seperti yang berikut:

Butiran	(1) Perkara	(2) Markah (%)
A.	Kriteria kuantitatif – markah maksimum	60
A.1	Ukuran modal – indeks lebihan modal (rujuk perenggan 8)	-
A.2.1	Ukuran operasi dan kemampanan (bagi perniagaan insurans hayat) (rujuk perenggan 9)	-
A.2.1.1	Markah maksimum bagi kadar pertumbuhan perniagaan baru	15
A.2.1.2	Markah maksimum bagi nisbah penumpuan perniagaan	25
A.2.1.3	Markah maksimum bagi nisbah pengekalan perniagaan	25
A.2.1.4	Markah maksimum bagi padanan aset dan pulangan	20
A.2.1.5	Markah maksimum bagi nisbah perbelanjaan	15
A.2.2	Ukuran operasi dan kemampanan (bagi perniagaan insurans am) (rujuk perenggan 11)	-
A.2.2.1	Markah maksimum bagi kadar pertumbuhan premium kasar	20
A.2.2.2	Markah maksimum bagi nisbah kepelbagaian perniagaan	25
A.2.2.3	Markah maksimum bagi nisbah belum terima	15
A.2.2.4	Markah maksimum bagi nisbah gabungan	25
A.2.2.5	Markah maksimum bagi volatiliti pulangan yang diselaraskan secara purata	15

Butiran	(1) Perkara	(2) Markah (%)
A.2.3	Ukuran operasi dan kemampanan (bagi perniagaan takaful keluarga) (rujuk perenggan 12)	-
A.2.3.1	Markah maksimum bagi kadar pertumbuhan perniagaan baru	25
A.2.3.2	Markah maksimum bagi nisbah penumpuan perniagaan	20
A.2.3.3	Markah maksimum bagi nisbah pengekalan perniagaan	20
A.2.3.4	Markah maksimum bagi hasil pelaburan	15
A.2.3.5	Markah maksimum bagi nisbah jurang perbelanjaan	20
A.2.4	Ukuran operasi dan kemampanan (bagi perniagaan takaful am) (rujuk perenggan 13)	-
A.2.4.1	Markah maksimum bagi kadar pertumbuhan sumbangan kasar	25
A.2.4.2	Markah maksimum bagi nisbah kepelbagaian perniagaan	20
A.2.4.3	Markah maksimum bagi nisbah belum terima	15
A.2.4.4	Markah maksimum bagi nisbah kerugian	20
A.2.4.5	Markah maksimum bagi nisbah jurang perbelanjaan	20
A.3	Kategori matriks kriteria kuantitatif (berdasarkan pemetaan kedua-dua ukuran modal dan ukuran operasi dan kemampanan)	-
A.3.1	Markah bagi kategori matriks kriteria kuantitatif M1	60
A.3.2	Markah bagi kategori matriks kriteria kuantitatif M2	55
A.3.3	Markah bagi kategori matriks kriteria kuantitatif M3	45
A.3.4	Markah bagi kategori matriks kriteria kuantitatif M4	40
A.3.5	Markah bagi kategori matriks kriteria kuantitatif M5	30
A.3.6	Markah bagi kategori matriks kriteria kuantitatif M6	25
A.3.7	Markah bagi kategori matriks kriteria kuantitatif M7	15

Butiran	(1) Perkara	(2) Markah (%)
B.	Kriteria kualitatif – markah maksimum (rujuk perenggan 14)	40
B.1	Markah maksimum bagi taraf pengawasan di bawah perenggan 16	35
B.2	Markah maksimum bagi faktor kualitatif selain daripada taraf pengawasan di bawah perenggan 17	5
C.	Jumlah pemarkahan kriteria	100

(2) Jumlah markah kriteria suatu anggota penanggung insurans bagi suatu tahun taksiran hendaklah jumlah markah bagi kriteria kuantitatif berdasarkan kategori matriks kriteria kuantitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) subperenggan 2(3) dan markah bagi kriteria kualitatif sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 16 dan 17 berkenaan dengan anggota penanggung insurans itu bagi tahun taksiran itu.

Kategori levi

19. Jika jumlah markah kriteria suatu anggota penanggung insurans bagi suatu tahun taksiran termasuk dalam julat sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), kategori levi yang anggota penanggung insurans itu dikelaskan bagi tahun taksiran itu hendaklah kategori levi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

(1) Jumlah pemarkahan kriteria (%)	(2) Kategori levi
≥ 85	1
≥ 65 tetapi < 85	2
≥ 50 tetapi < 65	3
< 50	4

Maklumat kuantitatif yang tidak mencukupi

20. Berkenaan dengan suatu anggota penanggung insurans dengan maklumat kuantitatif yang tidak mencukupi bagi maksud menghitung satu atau lebih penunjuk aras di bawah perenggan 9, 11, 12 dan 13 bagi suatu tahun taksiran, markah penunjuk aras itu atau gabungan markah semua penunjuk aras itu dalam tahun taksiran itu hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{(100 - B)} \times B$$

iaitu —

A adalah jumlah markah bagi kesemua penunjuk aras yang mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu; dan

B adalah jumlah markah maksimum bagi kesemua penunjuk aras yang tidak mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu.

Pengkelasan bagi anggota penanggung insurans

21. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, suatu anggota penanggung insurans, selain suatu anggota penanggung insurans yang disebut dalam subperenggan (2), hendaklah dikelaskan dalam kategori levi 1 dan tidak dikehendaki untuk mengemukakan kepada Perbadanan maklumat yang disebut dalam peraturan 3 jika anggota penanggung insurans itu berada dalam tahun taksiran pertamanya dan tahun taksiran keduanya.

(2) Subperenggan (1) tidak terpakai bagi suatu anggota penanggung insurans jika—

(a) anggota penanggung insurans itu telah beroperasi dan menjalankan perniagaan takaful keluarga atau insurans hayat atau perniagaan takaful am atau insurans am untuk tempoh minimum dua tahun

sebelum anggota penanggung insurans itu menjadi suatu anggota penanggung insurans di bawah Akta; atau

(b) perniagaan satu atau lebih pihak pemindah dipindahkan kepada anggota penanggung insurans itu di bawah suatu skim pemindahan perniagaan pada tahun taksiran yang mana anggota penanggung insurans itu menjadi suatu anggota penanggung insurans di bawah Akta.

(3) Suatu anggota penanggung insurans yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah dikelaskan dalam kategori levi 3 dalam suatu tahun taksiran jika –

(a) tidak terdapat maklumat yang mencukupi dalam tahun taksiran itu bagi maksud menghitung penunjuk ukuran modal pertama bagi anggota penanggung insurans itu; atau

(b) taraf pengawasan pertama tidak tersedia pada tarikh akhir anggota penanggung insurans itu dikehendaki untuk mengemukakan maklumat yang disebut dalam peraturan 3 dalam tahun taksiran itu.

Dibuat 19 Julai 2023
